



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 1999**

---

**BAYARAN INSENTIF TUGAS PENGURUSAN STOR**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi insentif kepada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) PT(P/O) yang menjalankan tugas dalam bidang pengurusan stor.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memutuskan untuk memberi Bayaran Insentif Tugas Pegurusan Stor (BITPS) kepada PT(P/O) yang menjalankan tugas dalam bidang pengurusan stor. Keputusan Kerajaan membayar BITPS adalah sebagai galakan kepada PT(P/O) untuk meningkatkan kecekapan dan kemahiran dalam bidang pengurusan stor.

**PELAKSANAAN**

Kelayakan

3. PT(P/O) yang layak dibayar BITPS adalah mereka yang menjalankan tugas pengurusan stor sepenuh masa dalam bidang berikut –
  - a. kawalan stok; dan
  - b. penstoran;

4. Tugas yang terlibat dengan bidang pengurusan stor di perenggan 3 di atas adalah seperti di [Lampiran A](#).

Penjelasan lanjut berhubung dengan bidang tugas berkenaan boleh dirujuk kepada Bahagian

Pengurusan Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia.

5. PT(P/O) yang dilantik secara kontrak dan sementara yang menjalankan tugas pengurusan stor sepenuh

masa dalam bidang seperti yang dinyatakan di perenggan 3 juga layak dibayar BITPS.

## **KADAR**

6. BITPS dibayar di atas kadar berikut –

a. RM40.00 sebulan kepada PT(P/O) yang tidak mempunyai sijil; dan

b. RM80.00 sebulan kepada PT(P/O) yang mempunyai sijil.

7. Bagi tujuan memperolehi sijil, PT(P/O) perlu menduduki dan lulus peperiksaan yang dikendalikan oleh

Bahagian Pengurusan Perolehan Kerajaan, Perbendaharaan Malaysia.

## **PERATURAN**

8. PT(P/O) yang dibayar BITPS tetapi meninggalkan tugasnya selama 28 hari dan lebih secara berturut-turut

tidak layak dibayar bayaran insentif berkenaan bagi tempuh tersebut. Walau bagaimanapun,

pengecualian diberi kepada mereka yang meninggalkan tugasnya bagi tempuh yang tidak melebihi 92

hari berturut-turut termasuk hari kelepasan mingguan dan kelepasan am, dalam keadaan berikut –

a. Menghadiri kursus yang diarahkan oleh Ketua Jabatan;

b. Menjalankan tugas rasmi atas arahan Ketua Jabatan;

dan

c. Bercuti sakit yang disokong oleh sijil sakit mengikut

Perintah Am Bab 'C'.

9. BITPS dibayar secara *proportionate* bagi PT(P/O) yang tidak bertugas genap sebulan.


### **TARIKH KUATKUASA**

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai 1 Mei 1999.

### **PEMAKAIAN**

11. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**( TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN )**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

18 Ogos 1999

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

## BIDANG TUGAS PENGURUSAN STOR

### A. KAWALAN STOK

- Mengurus perancangan pembelian barang-barang mengikut paras-  
paras stok tertentu serta menyediakan pesanan (rekuisisi) bagi  
penokokan stok.
- Mengurus rekod yang sistematik dalam daftar stok mengikut kod  
dan menyelenggara katalog barang-barang.
- Melaksanakan pemeriksaan stok (pengiraan fizikal) berkala ke atas  
semua jenis barang dan menyelaras dengan rekod-rekod stok.
- Menyediakan laporan/penyata hal ehwal kawalan stok,  
pemeriksaan stok, pelupusan/hapus kira terhadap barang-barang  
stor.

### B. PENSTORAN

- Mengurus hal ehwal penerimaan, penyimpanan, pengeluaran dan  
pemeliharaan barang-barang dengan sempurna.
- Menguruskan hal ehwal pembungkusan, pengangkutan dan  
penghantaran barang-barang ke destinasi tertentu.

- Mengurus, mengemaskini dan memantau semua akaun berhubung dengan kawalan stok, kawalan kerja dan kawalan kewangan bagi stor-stor tidak beruntuk (unallocated stores).

Jabatan Perkhidmatan Awam  
Malaysia